

# SOALAN LAZIM TIKET INTEGRASI KTMB & ERL



## 1. Apakah ERL

ERL adalah Express Rail Link Sdn. Bhd menyediakan perkhidmatan tren yang beroperasi antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KL Sentral.

## 2. Apakah jualan Tiket Integrasi KTMB dan ERL

Penjualan tiket dalam satu transaksi bagi kedua-dua perkhidmatan dalam sistem tiket KITS KTMB dan laman sesawang ERL.

## 3. Apakah kelebihan jualan Tiket Integrasi KTMB dan ERL

- Mempromosikan perkhidmatan keretapi dikalangan pengendali keretapi (KTMB dan ERL).
- Memberi pilihan kepada penumpang membuat tempahan tiket menaiki tren dari lapangan terbang ke mana-mana stesen KTMB dalam satu transaksi dan sebaliknya.
- Memudahkan pelancong asing menggunakan pengangkutan rel.

## 4. Berapa jenis perkhidmatan yang disediakan oleh ERL

Terdapat 2 jenis perkhidmatan iaitu KLIA Ekspres dan KLIA Transit.

## 5. Berapa jenis perkhidmatan yang disediakan oleh KTMB

Terdapat 2 jenis perkhidmatan iaitu ETS dan Intercity.

## 6. Dimanakah stesen pertukaran perkhidmatan KTMB dan ERL

Stesen pertukaran bagi kedua-dua perkhidmatan adalah di KL Sentral (KLIA Ekspres dan KLIA Transit) dan Bandar Tasik Selatan (KLIA Transit).

## 7. Apakah perbezaan perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit

KLIA Ekspres perkhidmatan terus KLIA T1/T2 - KL Sentral - KLIA T2/T2.

KLIA Transit perkhidmatan KLIA T2 - KL Sentral - KLIA T2 melalui stesen perantara seperti KLIA T1, Salak Tinggi, Putrajaya & Cyberjaya dan Bandar Tasik Selatan.

## 8. Apakah kaedah pembelian tiket Tiket Integrasi KTMB dan ERL

Kaedah pembelian tiket adalah:

- Kaunter tiket KTMB
- Laman sesawang KTMB
- Aplikasi KTMB Mobile
- Laman Sesawang ERL

## 9. Apakah jenis jualan tiket Tiket Integrasi KTMB dan ERL

- Sehala
- Dua hala

## 10. Berapakah tempoh perjalanan bagi Tiket Integrasi KTMB dan ERL dua hala.

Tempoh perjalanan dua hala adalah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh perjalanan pergi. Contoh:

Tarikh Pergi	Tarikh Balik	Status Tiket
1 Oktober 2024	30 Oktober 2024	Tiket dua hala ERL boleh dibeli dalam satu transaksi
1 Oktober 2024	31 Oktober 2024	Tiket dua hala ERL tidak boleh dibeli dalam satu transaksi Tiket sobeha ERL boleh dibeli secara berasingan dalam sistem KITS dan laman sesawang ERL.

## 11. Apakah kategori penumpang tiket ERL

- Dewasa: 16 tahun dan ke atas
- Kanak-kanak: 6 hingga 15 tahun
- Percuma: kanak-kanak di bawah umur 6 tahun

## 12. Apakah kategori penumpang tiket KTMB

- Dewasa: 13 tahun dan ke atas
- Kanak-kanak: 4 hingga 12 tahun
- Percuma: kanak-kanak di bawah umur 4 tahun

## 13. Apakah tempoh sah tiket ERL

Tiket ERL boleh digunakan dalam tempoh 30 hari mengikut tarikh di catat pada tiket.

## 14. Apakah jadual tren ERL

Waktu berlepas dan ketibaan tren ERL tertakluk kepada jadual waktu KLIA Ekspres dan KLIA Transit. Sila rujuk laman sesawang ERL atau kaunter tiket ERL.

## 15. Apakah jadual tren KTMB

Waktu berlepas dan ketibaan tren KTMB tertakluk kepada jadual waktu perkhidmatan ETS dan Intercity. Sila rujuk laman sesawang KTMB atau kaunter tiket KTMB.

## 16. Apakah syarat pembatalan Tiket Integrasi perkhidmatan KTMB dan ERL

Pembatalan tiket hanya dibenarkan bagi tiket KTMB sahaja mengikut terma dan syarat perkhidmatan KTMB sahaja. Tiket ERL yang telah dibeli tidak boleh dibatalkan.

## 17. Apakah syarat pemulangan tambang tiket ERL

- Tiket ERL tidak digunakan
- Tiket ERL tamat tempoh
- Apapa-sebab yang lain.

## 18. Bagaimanakah penggunaan tiket ERL

Imbas kod QR tiket di stesen berlepas dan stesen ketibaan yang dicatat pada tiket ERL. Tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan ERL. Sila rujuk laman sesawang ERL atau kaunter tiket ERL bagi terma dan syarat perkhidmatan ERL.

## 19. Bagaimanakah penggunaan tiket KTMB

Imbas kod QR tiket di stesen berlepas dan stesen ketibaan yang dicatat pada tiket KTMB. Tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan KTMB. Sila rujuk laman sesawang KTMB atau kaunter tiket KTMB bagi terma dan syarat perkhidmatan KTMB.

## 20. Dimanakah pengguna boleh membuat pertanyaan lanjut berkaitan penggunaan tiket KTMB dan ERL

Jabatan Perkhidmatan Pelanggan

Ibu Pejabat KTMB,

Jalan Sultan Hishamuddin,

50821 Kuala Lumpur.

Telefon : +603-9779 1200 (7:00am hingga 10:00pm)

E-mel : callcenter@ktmb.com.my

Laman web : www.ktmb.com.my

Facebook : ktm\_berhad

X : ktm\_berhad

Instagram : ktmbofficial

Express Rail Link Sdn Bhd  
Level 2, KL City Air Terminal,  
KL Sentral Station, 50470 Kuala Lumpur

Telefon : +603 2267 8000 (Monday - Friday, 08:30-18:00)

E-mel : CustomerEnquiry@KLIAekspres.com

Laman web : https://www.kliaekspres.com/

Facebook : KLIA Ekspres

X : @KLIAekspres

Instagram : KLIA Ekspres



Pembelian tiket dalam satu transaksi melalui aplikasi **KTMB Mobile** atau di [www.KLIAekspres.com](http://www.KLIAekspres.com)



KLIA T1/T2

KL Sentral

Ipoh

Bukit Mertajam

Butterworth

Sungai Petani

Alor Setar